

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

12.06.2017

SUARA MSWG

LESEN BAHARU UNTUK PERKHIDMATAN PENGURUSAN PELABURAN DIGITAL

Berkuatkuasa dari 9 Mei 2017, syarikat pengurusan dana yang menawarkan perkhidmatan pengurusan portfolio budi bicara berautomasi perlu membuat permohonan lesen untuk beroperasi daripada Suruhanjaya Sekuriti (SC). Rangka kerja digital baharu yang diperkenalkan oleh SC menetapkan syarat pelesenan dan peraturan kelakuan. Syarat ini merangkumi keupayaan teknologi yang diperlukan, daya tahan keselamatan siber dan pengurusan risiko serta dasar dan strategi pengurusan yang bersesuaian.

Kami berharap perkembangan ini akan meningkatkan kecekapan kos dalam pengurusan dana, seterusnya memberi manfaat kepada pelabur. Unit amanah swasta boleh menjadi alternatif yang berdaya maju berikutan kos yang lebih rendah, dilengkapi dengan “penghindaran risiko”.

MUSIM MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (AGM)

Memandangkan kita sudah memasuki musim puncak AGM, kami ingin mengetengahkan beberapa tatakelakuan pemegang saham semasa menghadiri AGM. Mengikut pemerhatian kami, faktor utama yang menggalakkan kehadiran di AGM bagi sebilangan besar pemegang saham adalah lebih kepada pemberian cenderahati, baucer dan makanan. Kami menasihati pemegang saham minoriti supaya memberi lebih tumpuan kepada penyertaan aktif dalam perkara yang dibentangkan dan dibincangkan dalam AGM serta melaksanakan hak mereka untuk mengundi. Peluang sesi soal jawab perlu digunakan untuk membangkitkan isu yang berkaitan dengan prestasi syarikat dan bukannya mengadu tentang baucer dan makanan.

Kami berharap tiada lagi jangkakan tidak munasabah tentang jamuan ringan dan cenderahati serta persembahan “bakat” yang tidak diundang.

APABILA MAKLUMAT GAGAL BERKAIT

Ada beberapa perkembangan korporat lain yang perlu kami sebutkan di sini. Salah satunya ialah harga saham dan nilai pasaran yang menjunam dalam Iskandar Waterfront City (IWC), yang mana pemegang sahamnya baru sahaja bersetuju dengan cadangan penggabungan dengan syarikat induknya, Iskandar Waterfront Holdings (IWH).

Harga saham dan nilai pasaran IWC meningkat tiga kali ganda pada 2017 disebabkan keghairahan ke atas sahamnya dalam 60% usaha sama dalam Bandar Malaysia. Walau bagaimanapun, penarikan balik ke atas tawaran ekuiti dan ketidakpastian di pihak pemegang saham sememangnya amat dikesali.

Kami tidak menafikan betapa pentingnya bergantung pada asas dan pertumbuhan yang diurus dengan baik apabila membuat pelaburan dan bukannya bergantung pada andaian. Walaupun IWC masih kekal sebagai pemain utama dalam sektor hartanah, walaupun cuma di Johor, pelabur tidak boleh mengabaikan amaran jelas tentang lebih bekalan semasa.

GANJARAN KEPADA REV ASIA

Pembelian Rev Asia oleh Media Prima agak menarik kerana ia menunjukkan penerimaan pasaran terhadap syarikat yang mampu menukar hala tuju strategik sebagai tindak balas kepada perubahan keadaan perniagaan. Rev Asia bermula sebagai sebuah syarikat digital. Namun mereka sudah berada jauh di hadapan dan terpaksa berubah menjadi syarikat penerbitan sewaktu kejatuhan syarikat dotcom sekitar 2000.

Rev Asia sekali lagi terpaksa membuat pertukaran yang sukar iaitu kembali kepada digital, mengikut perubahan dalam pasaran dan kini, pengasasnya mendapat ganjaran. Mungkin Rev Asia dapat menjadi contoh kepada kebanyakan syarikat media di negara ini yang enggan atau terlalu takut untuk berubah.

PENTINGNYA PROSEDUR

Lembaga Pengarah bertanggungjawab menyerahkan penyata kewangan syarikat kepada Bursa Malaysia tepat pada masanya. Kegagalan berbuat demikian mengundang akibat buruk, terutama di bawah Syarat Penyenaraian Bursa Malaysia. Perak Corporation Bhd dan Wintoni Group Bhd gagal menepati tarikh akhirnya iaitu 30 April 2017, 4 bulan dari akhir tahun kewangan.

Rangka kerja pengawalseliaan menyediakan lebih dari masa yang cukup untuk menyediakan penyata kewangan. Walau bagaimanapun, apabila syarikat tersenarai memberikan alasan seperti juruaudit luar memerlukan lebih banyak masa untuk menyelesaikan 'isu audit dan perakaunan yang besar' (seperti dalam kes Perak Corp), pasaran agak sukar melihat perkara ini secara positif.

Perletakan jawatan firma audit bagi Perak Corp juga memanjangkan tempoh audit iaitu Tetuan KPMG yang menggantikan Tetuan Ernst & Young yang meletakkan jawatan. Kes yang sama berlaku pada Wintoni yang menyalahkan kelewatan laporan tahunannya kepada lebih masa yang diperlukan untuk memuktamadkan pengauditan.

Proses pengauditan dibuat setiap tahun. Melainkan ada aktiviti 'tidak diingini' berlaku, penyata kewangan perlu sentiasa lengkap dan dikemas kini. Kerja-kerja persediaan audit pula perlu dimulakan sebelum akhir tahun. Perubahan firma audit bukan suatu alasan yang baik.

PASUKAN MSWG

12 Mei 2017

TINJAUAN MINGGUAN AGM/ EGM MSWG UNTUK TEMPOH 15 - 19 MEI 2017

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh & Masa	Syarikat	Lokasi
15.05.17 (Isnin) 10.00 pagi	Malaysian Bulk Carriers Bhd (AGM)	TPC Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Golf & Country Club Berhad), Off Jalan Bukit Kiara
15.05.17 (Isnin) 10.00 pagi	UMW Oil & Gas Corporation Bhd (AGM)	Menara Kembar Bank Rakyat, Jalan Rakyat, Kuala Lumpur
15.05.17 (Isnin) 11.00 pagi	MSM Malaysia Holdings Bhd (AGM)	Menara Felda, Platinum Park, Persiaran KLCC, Kuala Lumpur
17.05.17 (Rabu) 09.30 pagi	Amway (Malaysia) Holdings Bhd (AGM)	Amway (Malaysia) Sdn. Bhd. 28, Jalan 223, Petaling Jaya
17.05.17 (Rabu) 10.00 pagi	BIMB Holdings Bhd (AGM)	Sime Darby Convention Centre, 1A, Jalan Bukit Kiara 1, Kuala Lumpur
17.05.17 (Rabu) 11.00 pagi	Malaysia Smelting Corporation Bhd (AGM)	Hotel Equatorial Penang, 1 Jalan Bukit Jambul, Bayan Lepas, Penang
18.05.17 (Khamis) 09.30 pagi	Tomypak Holdings Bhd (AGM)	Palm Resort Golf & Country Club, Jalan Persiaran Golf, Senai, Johor
18.05.17 (Khamis) 10.00 pagi	KKB Engineering Bhd (AGM)	Abell Hotel, No. 22, 4th Floor, Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuching, Sarawak
18.05.17 (Khamis) 10.00 pagi	Sarawak Plantation Bhd (AGM)	Damai Beach Resort Teluk Bandung Santubong Kuching, Sarawak
18.05.17 (Khamis) 10.00 pagi	UEM Sunrise Bhd (dahulu dikenali sebagai UEM Land Bhd) (AGM)	Persada PLUS, Persimpangan Bertingkat Subang, KM15, Lebuhraya Baru Lembah Klang
18.05.17 (Khamis) 10.00 pagi	Time dot Com Bhd (AGM)	Saujana Resort, Jalan Lapangan Terbang SAAS, Shah Alam
18.05.17 (Khamis) 10.00 pagi	Shangri-La Hotel (Malaysia) Bhd (AGM)	Shangri-La Hotel Kuala Lumpur, 11 Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur
18.05.17 (Khamis) 10.30 pagi	Paramount Corporation Bhd (AGM)	Tropicana Golf & Country Resort, Petaling Jaya
18.05.17 (Khamis) 11.00 pagi	Petra Energy Bhd (AGM)	The Royale Chulan Damansara, Mutiara Damansara, Petaling Jaya
18.05.17 (Khamis) 11.00 pagi	SP Setia Bhd (AGM)	Setia City Convention Centre, Setia Alam, Seksyen U13, Shah Alam
19.05.17 (Jumaat) 09.00 pagi	Evergreen Fibreboard Bhd (AGM)	Horizon Hills Golf & Country Club, Horizon Hills, Nusajaya, Johor
19.05.17 (Jumaat) 10.00 pagi	Ho Hup Construction Company Bhd (AGM)	Bukit Jalil Golf and Country Resort, Kuala Lumpur

Perkara penting untuk diajukan:

Syarikat	Perkara/ Isu Untuk Diajukan
Malaysian Bulk Carriers Bhd (AGM)	<p>Syarikat bersekutu Kumpulan iaitu PACC Offshore Services Holdings Ltd (POSH), melaporkan kerugian bersih berjumlah US\$371.4 juta pada TK2016 berbanding kerugian bersih US\$131.0 juta pada TK2015. Kerugian bersih yang boleh diagihkan, tidak termasuk kejejasan nilai berjumlah US\$61.3 juta dalam TK2016 berbanding keuntungan sebanyak US\$17.5 juta dalam TK2015, sebahagian besarnya disebabkan oleh kadar carter dan penggunaan yang lebih rendah di seluruh segmen perniagaan utama.</p> <p>Bahagian Kumpulan dalam kerugian POSH adalah kerugian berjumlah RM325.1 juta pada TK2016 berbanding RM106.2 juta pada TK2015. Kumpulan mengiktiraf kemerosotan nilai ke atas pelaburannya dalam POSH sebanyak RM39.3 juta pada TK2016, berbanding RM495.8 juta pada TK2015.</p>

Perkara penting untuk diajukan:

	<p>Apakah langkah yang diambil oleh Lembaga untuk meningkatkan prestasi syarikat bersekutu ini?</p>
<p>UMW Oil & Gas Corporation Bhd (AGM)</p>	<p>Analisis dan Perbincangan Pengurusan menyatakan, Kumpulan mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM1,181 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, berbanding kerugian sebelum cukai sebanyak RM348 juta pada tahun sebelumnya. Kerugian ini dilaporkan berpunca daripada permintaan yang lemah terhadap perkhidmatan penggerudian dan medan minyak Kumpulan yang disebabkan oleh harga minyak rendah yang berpanjangan serta kemerosotan nilai aset berjumlah RM780 juta.</p> <p>(a) Adakah Lembaga menjangkakan pertambahan kemerosotan nilai aset dalam TK2017?</p> <p>(b) Apakah prospek bagi TK2017?</p>
<p>MSM Malaysia Holdings Bhd (AGM)</p>	<p>Analisis Jualan dalam Halaman 47 menunjukkan jumlah jualan eksport dan industri bagi TK2016 adalah lebih rendah berbanding TK2015 manakala jumlah jualan bagi pasaran domestik menunjukkan peningkatan.</p> <p>(a) Memandangkan salah satu fungsi MSM Dubai yang dibuka pada Februari 2016 adalah untuk menjalankan aktiviti perdagangan gula untuk wilayah Timur Tengah dan Afrika Utara serta negara Asia Pasifik serantau, apakah yang menyebabkan penurunan dalam jualan eksport?</p> <p>(b) Adakah Lembaga menjangkakan impak yang ketara ke atas jualan eksport Syarikat berikutan pemansuhan sistem kuota gula EU menjelang akhir 2017?</p> <p>(c) Walaupun jumlah jualan pasaran domestik meningkat dalam TK2016, kami mendapati bahagian pasaran domestik Syarikat menyusut daripada 65% pada TK2015 kepada 60% pada TK2016. Apakah yang menyebabkan penurunan dalam bahagian pasaran?</p> <p>(d) Pada bulan April 2016, Kerajaan menghentikan pengeluaran permit import (AP) bagi gula. Adakah Lembaga melihat peningkatan dalam jualan industri tempatan dan domestik pada masa hadapan?</p> <p>(e) Harga gula bertapis dikaji semula dan dinaikkan daripada RM2.84 kepada RM2.95 sekilogram mulai 1 Mac 2016. Apakah impak kenaikan ini kepada penggunaan gula domestik dan industri?</p>
<p>BIMB Holdings Bhd (AGM)</p>	<p>Landskap perbankan dijangka mencabar dengan pertumbuhan pinjaman yang sederhana pada tahun 2017 ditambah pula dengan persaingan untuk akaun semasa dan akaun simpanan (CASA) yang seterusnya meningkatkan tekanan ke atas margin faedah bersih dan jangkaan peningkatan dalam keseluruhan kos kredit dan aset yang terjejas. Berikutan perkembangan di atas, sila jelaskan kesan ke atas Kumpulan yang timbul daripada yang berikut:</p> <p>(a) Strategi pertahanan oleh pihak Bank.</p> <p>(b) Mengekalkan campuran saiz CASA dan portfolio pinjamannya.</p> <p>(c) Langkah yang diambil untuk mematuhi MFRS9 dan kesan ke atas Modal di bawah Basel III dan prestasi kewangan 2017/2018.</p>

Perkara penting untuk diajukan:

	<p>(d) Impak daripada perlombongan Data/ Data Besar/ gelombang Teknologi Digital dan “FinTech”.</p> <p>(e) KPI Kumpulan untuk TK2017 dan aspirasi masa hadapan.</p>
Tomypak Holdings Bhd (AGM)	<p>1. Kami mendapati dalam Penyata Pengerusi, dua barisan pencetak tambahan dan peralatan laminat akan dibeli secara beransur-ansur dalam tempoh 3 tahun akan datang, yang akhirnya akan menggandakan kapasiti pengeluaran Kumpulan Tomypak.</p> <p>(a) Berapakah jumlah perbelanjaan modal yang dijangka untuk 2 tahun akan datang untuk membeli peralatan tambahan untuk perluasan Kumpulan?</p> <p>(b) Bagaimanakah Kumpulan membiayai pembelian peralatan tambahan itu?</p> <p>(c) Apakah jangkaan tahap kapasiti pengeluaran optimum yang membolehkan Kumpulan mencapai bahagian pasaran global yang disasarkan?</p> <p>(d) Apakah kadar penggunaan kapasiti semasa untuk kedua-dua kilang di Tampoi dan Senai?</p> <p>2. Jualan eksport menyusut 4.7% iaitu daripada RM117.1 juta pada TK2015 kepada RM11.5 juta pada TK2016.</p> <p>(a) Apakah yang menyebabkan penurunan jualan eksport sejak TK2015?</p> <p>(b) Apakah langkah yang diambil oleh pihak pengurusan untuk menangani kemerosotan ini?</p> <p>(c) Bilakah Kumpulan menjangka untuk meneruskan pertumbuhan dalam jualan eksport?</p>
Sarawak Plantation Bhd (AGM)	<p>Seperti yang dilaporkan dalam Analisis dan Perbincangan Pengurusan, 63% daripada jumlah buah segar bertandan (FFB) yang diproses dalam tahun dibeli daripada pihak ketiga.</p> <p>(a) Berapakah peratusan FFB yang dibeli daripada pihak ketiga yang berkaitan?</p> <p>(b) Bolehkah Lembaga kongsi langkah yang diambil untuk mengawal dan memantau kualiti, harga dan kecukupan bekalan?</p>
UEM Sunrise Bhd (dahulunya dikenali sebagai UEM Land Bhd) (AGM)	<p>Keuntungan selepas cukai dan kepentingan bukan kawalan Kumpulan menurun daripada RM257.2 juta pada TK2015 kepada RM147.3 juta pada TK2016, sebahagian besarnya disebabkan oleh sumbangan yang lebih rendah daripada pendapatan lain dan bahagian keputusan usaha sama.</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan kejatuhan dalam bahagian keputusan usahasama?</p> <p>b) Apakah langkah yang diambil untuk meningkatkan prestasi usaha sama ini?</p>
Paramount Corporation Bhd (AGM)	<p>Paramount Property mencatatkan jualan 459 unit dengan nilai pembangunan kasar (GDV) berjumlah RM420 juta, melebihi sasaran jualan sebanyak RM400 juta bagi tahun ini.</p> <p>(a) Apakah sasaran jualan untuk 2017?</p>

Perkara penting untuk diajukan:	
	(b) Bolehkah Lembaga sediakan GDV untuk projek yang akan dilancarkan pada tahun 2017?
Petra Energy Bhd (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan perolehan berjumlah RM332.1 juta dan kerugian bersih sebanyak RM114.2 juta pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.</p> <p>(a) Segmen manakah yang akan mengekalkan prestasi Kumpulan bagi TK2017?</p> <p>(b) Apakah tempahan pesanan dan tempahan tender semasa Kumpulan?</p> <p>(c) Bolehkah Lembaga berikan tempoh kontrak semasa?</p>
Ho Hup Construction Company Bhd (AGM)	<p>Lembaga melihat prospek semasa Kumpulan bagi TK2017 daripada perspektif projek yang dikemukakan oleh Bahagian Pembinaan, pelancaran projek oleh Bahagian Pembangunan Hartanah dan operasi perniagaan kuari yang dimulakan oleh Bahagian Bahan Binaan Bangunan. Maklumat segmen yang dilaporkan dalam Nota 35 kepada penyata kewangan pada halaman 132 dan 133 menunjukkan prestasi bercampur-campur dan keputusan pendapatan segmen dan keuntungan sebelum cukai bagi dua tahun kewangan yang lalu.</p> <p>a) Apakah tempahan pesanan Kumpulan daripada Bahagian Pembinaan yang akan mengekalkan prestasi dan pendapatan?</p> <p>b) Berapakah nilai pembangunan kasar (“GDV”) yang dianggarkan oleh Bahagian Pembangunan Hartanah melalui pelancaran projek yang dicadangkan dalam tahun kewangan semasa dan 2 hingga 3 tahun akan datang?</p> <p>c) Apakah jangkaan Lembaga Pengarah daripada perniagaan kuari yang dimulakan pada bulan Oktober 2016 dan berapakah jangkaan pendapatan daripada bahagian bahan binaan di bawah operasi sedia ada?</p>

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, lyarahman@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Pengurus, Pemantauan Korporat kinwing@mswg.org.my

Hoo Ley Beng, Pengurus, Pemantauan Korporat linnert.hoo@mswg.org.my

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

Muhammad Faris bin Mohamed Yusof, Penganalisa, Pemantauan Korporat farisyusof@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mSWG.ceo@mSWG.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.